

PEKELILING KEWANGAN BIL. 19/2014

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Unit
Pusat Perubatan UKM

Y.Bhg.Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**TUNTUTAN SEMULA PERKHIDMATAN RAWATAN YANG DIBERIKAN OLEH
PUSAT PERUBATAN UKM KEPADA PESAKIT PUSAT PAKAR UKM**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Dimaklumkan, Jabatan Kewangan telah mengeluarkan invoice bagi beberapa perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit Pusat Pakar UKM secara bulanan berdasarkan maklumat yang telah disalurkan oleh jabatan atau pusat yang memberi perkhidmatan kepada pesakit Pusat Pakar UKM melalui garis panduan dan borang yang telah diwujudkan.

Sehubungan itu, adalah diharapkan kepada jabatan, bahagian dan unit yang memberikan perkhidmatan rawatan kepada pesakit Pusat Pakar UKM supaya menyalurkan maklumat bagi memastikan jumlah yang dibelanjakan kepada Pusat Pakar UKM dapat dituntut semula. Maklumat berkaitan perkhidmatan rawatan yang diberikan kepada pesakit Pusat Pakar UKM boleh disalurkan ke Unit Akaun & Sistem, Jabatan Kewangan untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, kerjasama dan perhatian yang diberikan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,



RABIAH BINTI MUHAMMAD ARHAM

Ketua
Jabatan Kewangan
Pusat Perubatan UKM

s.k - Fadzil Edaran